

# Air empangan dipantau setiap jam

Usaha bagi pastikan bekalan air sentiasa cukup untuk seluruh penduduk Selangor

■ MARLIA ZAKARIA

**SHAH ALAM** - Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berkata, kerajaan negeri memantau paras air di empangan dan sungai di Selangor hampir setiap jam.

Menurutnya, ia bagi memastikan bekalan air sentiasa cukup untuk seluruh penduduk Selangor.

"Kami telah adakan mesyuarat khas tentang perkara ini. Beberapa empangan dilaporkan berada pada tahap rendah tapi kami dah ambil langkah-langkah seperti pembinaan kolam tadahan air dan kolam di Bestari Jaya yang boleh pam air ke sungai di Selangor.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga menjalankan operasi pembenihan awan untuk

satu tempoh panjang.


Walaupun cuaca sangat panas, rakyat Selangor masih mampu mendapat hujan.

"Kami putuskan jika ada keperluan untuk tingkatkan operasi pembenihan awan, kami akan buat dengan teknologi terkini," katanya.

Azmin berkata, jika ada keperluan untuk menambah bilangan penerbangan untuk pembenihan awan, pihaknya akan berbuat demikian.

"Kami juga ambil langkah proaktif termasuk pembenihan awan yang dijalankan sejak beberapa bulan lepas. Jika ada keperluan, kami akan tambah penerbangan untuk pembenihan awan," katanya selepas menyertai Program Terjah dan Musnah Aedes di Seksyen 28, di sini, semalam.

Sementara itu dalam satu



Azmin pada Program Terjah dan Musnah Aedes di Seksyen 28, semalam. FOTO: ROSLI TALIB

majlis di Bangi, kelmarin, Azmin kesal dengan tindakan rakyat yang sewenang-

wenangnya membasuh kereta dan menyiram pokok menggunakan bekalan air bersih.

Menurutnya, aktiviti itu sepatutnya menggunakan takungan air hujan

yang disimpan.

"Penduduk kena ingat, kos rawat air cukup besar sebab itu kami ambil langkah pro aktif minta rakyat berjimat cermat dalam penggunaan air bersih," katanya.

Beliau turut meminta pihak berkuasa tempatan mengkaji semula reka bentuk rumah baharu dibina supaya pemaju menyediakan kemudahan takungan air hujan bagi aktiviti tersebut untuk penduduk.

Tegasnya, kerajaan negeri membelanjakan hampir RM162 juta setahun hanya untuk membekalkan air bersih kepada rakyat.

"Tapi saya dapati ramai yang guna air bersih sewenang-wenangnya untuk aktiviti yang sebenarnya boleh gunakan sumber air lain," katanya.